




Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Utara

P.007 Padang Terap

Laporan Disediakan Oleh: Nurul Syaza Mazelan



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.007 Padang Terap

Disediakan oleh:
Nurul Syaza Mazelan

KATA ALUAN II

KATA PENGANTAR IV

PENGENALAN VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 2 – 13

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 17 – 20

- 1.1 Geografi/Topografi 17
- 1.2 Komposisi Penduduk 18
- 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 18
- 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 19

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 21– 23

- 2.1 Pendekatan Kajian 21
- 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 22
- 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 22
- 2.4 Keterbatasan Kajian 23

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 24– 28

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 29 – 68

- 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 29
- 4.2 Pengutamaan Isu 61

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 69 – 71

6.0 RUJUKAN 72



P.007 PADANG TERAP

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya

mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihimpunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).

Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025



Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejitian bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran

struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHAH	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Pemetaan Isu P.007 Padang Terap

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PADANG TERAP, YB TUAN NURUL AMIN HAMID



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

21 Feb - 23 Feb 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Pesawah dan Pekebun
2. Lawatan Tapak 1: Titi Hayun Sungai Pedu
3. Lawatan Tapak 2: Tasik Pedu
4. FGD 2: Komuniti Nelayan Darat

HARI 3

10. FGD 6: Komuniti Pekebun Getah
11. FGD 7: Komuniti Wanita dan Ibu Tunggal
12. FGD 8: Komuniti Kg. Padang
13. Lawatan Tapak 3: Kedah Rubber City

HARI 2

5. FGD 3: Komuniti FELDA Lubok Merbau
6. Lawatan Tapak 3 & Sesi Temu Bual 1: Kawasan Perkampungan Kg. Beris & Komuniti Siam
7. FGD 4: Komuniti Kg. Kubang Juluk
8. FGD 5: Anak Muda Padang Terap
9. Sesi Temu Bual 2: Wakil Pekerja Ekonomi Gig (*P-hailing*)

PASUKAN PENYELIDIK



NURUL SYAZA MAZELAN
(Ketua Penyelidik)



ROSE HELEN AMBROSE



**MOHAMMAD SHAZIE
ZAINI MOHD SHAHRIL
FIRDAUS SIVA**



**HIRZAWATI ATIKAH
MOHD TAHIR**

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 21-23 FEB 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



11 November 2024
Mesyuarat Awalan

02



23 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan

03



21 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Pesawah dan Pekebun

06



21 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Nelayan Darat

05



21 Februari 2025
Lawatan Tapak 2: Tasik Pedu

04



21 Februari 2025
Lawatan Tapak 1: Titi Hayun Sungai Pedu

07



22 Februari 2025
FGD 3: Komuniti FELDA Lubok Merbau

08



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 3 : Kawasan
Perkampungan Kg. Beris
Sesi Temu Bual 1: Komuniti Siam

09



22 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Kubang Juluk

12



23 Februari 2025
FGD 6: Komuniti Pekebun Getah

11



22 Februari 2025
Sesi Temu Bual 2: Wakil Pekerja Ekonomi
Gig (P-hailing)

10



22 Februari 2025
FGD 5: Anak Muda Padang Terap

13



23 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Wanita dan Ibu Tunggal

14



23 Februari 2025
FGD 8: Komuniti Kg. Padang

15



23 Februari 2025
Lawatan Tapak 3: Kedah Rubber City

16

24 Februari 2025
Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah
& Tanah Padang Terap





11 NOVEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan telah diadakan bersama Ahli Parlimen Padang Terap, YB Ustaz Nurul Amin Hamid, di Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah. Wakil APPGM-SDG dihadiri oleh Dr. Thanaraj dan Nurul Syaza. Cadangan untuk mengadakan lawatan tapak bagi pemetaan isu di Parlimen Padang Terap adalah pada 21- 23 Februari 2025.



5 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Mesyuarat Pemprofilan Parlimen Padang Terap telah dijalankan bersama YB Nurul Amin dan En. Ramadan (Pegawai Khas) di Parlimen. Selain itu, tentatif lawatan tapak Parlimen Padang Terap yang dicadangkan pada 21 - 23 Februari turut dibincangkan untuk dimuktamadkan.



FGD 1: KOMUNITI PESAWAH DAN PEKEBUN

FGD 1 bersama Pesawah dan Pekebun telah diadakan di Surau Nurul Ikhsan Kampung Pinang Pedu. Antara isu yang dibangkitkan oleh pesawah dan pekebun termasuk; **(1)** kekurangan sokongan infrastruktur/fasiliti bagi aktiviti pertanian; **(2)** kualiti input pertanian (benih dan racun) yang tidak memuaskan; **(3)** kemiskinan yang disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi dan hasil pendapatan tidak menguntungkan; **(4)** kekurangan bantuan bagi pesawah seperti jentera, baja dan racun; **(5)** kekurangan penglibatan belia dalam pertanian; dan **(6)** konflik hidupan liar yang mengganggu kebun getah, sawit dan dusun.



LAWATAN TAPAK 1: TITI HAYUN SUNGAI PEDU

Lawatan tapak satu telah dijalankan ke titi hayun di Sungai Pedu. Titi hayun sepanjang 72 meter ini telah digunakan oleh pekebun penduduk kampung selama 34 tahun. Hampir 40 orang pekebun aktif menggunakan titi hayun ini setiap hari sebagai akses utama ke kebun mereka. Titi hayun ini hanya diperbuat daripada kayu dan dawai besi. Namun, keadaan titi hayun ini semakin usang dan berbahaya untuk digunakan. Terdapat beberapa kemalangan telah berlaku di atas titi hayun ini sehingga menyebabkan pekebun mengalami kecederaan yang parah seperti patah tangan. Pekebun sangat mengharapkan titi ini dibina semula dengan lebih kukuh.



LAWATAN TAPAK 2: TASIK PEDU

Lawatan tapak telah dijalankan oleh pasukan penyelidik ke Tasik Pedu. Tasik Pedu merupakan tasik buatan yang berusia hampir lebih 30 tahun. Tasik Pedu mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa kerana mempunyai pelbagai tarikan. Hasil madu tualang di Tasik Pedu juga merupakan madu tualang terbaik di Asia. Namun, terdapat beberapa isu yang jelas dilihat semasa lawatan ini iaitu: **(1)** kekurangan promosi pelancongan dan kurang penggiat pelancongan di Tasik Pedu; dan **(2)** *chalet* yang telah dibangunkan sebelum ini telah ditelengami air dan kos penambahbaikannya adalah tinggi.



FGD 2: KOMUNITI NELAYAN DARAT

FGD 2 telah diadakan di Jeti Nelayan Charok Batang Padi bersama komuniti Nelayan Darat. Antara isu yang dibangkitkan oleh nelayan darat adalah: **(1)** kekurangan sokongan infrastruktur/fasiliti untuk aktiviti perikanan seperti jalan ke jeti yang sempit dan gelap, jeti terlalu tinggi, dan tempat letak kereta yang terhad dan jauh; **(2)** hasil tangkapan tidak menguntungkan; **(3)** proses bantuan yang rumit bagi nelayan tidak menerima insentif dan subsidi minyak dan peralatan; **(4)** kelemahan pengurusan dan penyeliaan di Tasik Pedu dari segi penetapan zon penangkapan ikan dan zon aktiviti pelancongan di mana aktiviti pelancongan boleh mengganggu hasil tangkapan ikan; dan **(5)** ancaman spesis invasif seperti ikan toman yang memakan hasil tangkapan ikan nelayan.



FGD 3: KOMUNITI FELDA LUBOK MERBAU

FGD 3 bersama Komuniti FELDA Lubok Merbau telah diadakan di Dewan Awam FELDA Lubok Merbau. Antara isu yang dibangkitkan oleh penduduk adalah: **(1)** masalah gejala sosial seperti kecurian, dadah, dan rempit; **(2)** keperluan infrastruktur sokongan seperti kekurangan ATM, ambulans dan bomba, dan penaiktarafan pondok polis ke balai polis; **(3)** keperluan penstrukturan alamat rumah iaitu kesukaran penduduk untuk menyatakan alamat bagi pelbagai kegunaan rasmi; **(4)** kesukaran mendapat bantuan disebabkan status sebagai peneroka/pentadbir FELDA; **(5)** isu geran berkelompok; **(6)** keperluan kawasan rekreasi, termasuk ketiadaan tempat aktiviti sosial bagi anak FELDA; **(7)** tiada sokongan elaun sara hidup, yang menjadi cabaran terutamanya dalam tempoh penebangan pokok sehingga penanaman anak pokok baharu; **(8)** konflik hidupan liar; **(9)** keperluan penyelenggaraan pokok besar tepi jalan; **(10)** hakisan tanah yang menyebabkan parit semakin melebar terutama pada musim hujan; dan **(11)** isu banjir.



LAWATAN TAPAK 3 & SESI TEMU BUAL 1: KAWASAN PERKAMPUNGAN KG. BERIS & KOMUNITI SIAM

Kampung Beris merupakan salah satu kawasan perkampungan Komuniti Siam di Padang Terap. Secara keseluruhan, terdapat 15 rumah di perkampungan ini, dan didiami oleh hampir 100 penduduk kampung. Akses masuk dan keluar ke kampung ini adalah terhad kerana penduduk kampung perlu melalui kawasan ladang getah peneroka FELDA Lubok Merbau sepanjang 3.2 kilometer. Jalan masuk juga sempit dan tidak mempunyai lampu jalan yang menyukarkan penduduk untuk keluar di waktu malam.



FGD 4: KOMUNITI KG. KUBANG JULUK

FGD 4 bersama Komuniti Kampung Kubang Juluk telah dijalankan di Surau Al Huda, Kubang Juluk. Antara isu yang dibangkitkan oleh penduduk adalah: **(1)** keperluan infrastruktur sokongan di mana lampu jalan tidak berfungsi dengan elok; **(2)** keperluan kawasan rekreasi iaitu tiada padang bola untuk anak muda; **(3)** kualiti input pertanian (benih) yang tidak memuaskan; **(4)** akses yang terhad untuk mendapatkan barangan tempatan kerana jauh daripada pekan; **(5)** kos sara hidup yang semakin tinggi; **(6)** maklumat bantuan yang tidak sampai; **(7)** ekosistem ekonomi belia yang kurang efektif; **(8)** gangguan hidupan liar; **(9)** masalah penyelenggaraan sampah; dan **(10)** isu banjir.



FGD 5: ANAK MUDA PADANG TERAP

FGD 5 bersama anak muda Padang Terap telah dilaksanakan di De' Jard Kitchen. Antara isu yang dibangkitkan oleh belia adalah: **(1)** kurang peluang ekonomi bagi belia; **(2)** keperluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan bengkel kemahiran; **(3)** kurang minat dalam pendidikan peringkat tinggi; **(4)** peluang memiliki rumah yang terhad; **(5)** masalah gejala sosial terutamanya penagihan dadah dan judi atas talian.

SESI TEMU BUAL 2: WAKIL PEKERJA EKONOMI GIG (P-HAILING), KUALA NERANG



Sesi temu bual mendalam telah diadakan bersama wakil pekerja ekonomi gig (*p-hailing*) di kawasan Kuala Nerang. Antara isu yang dibangkitkan oleh wakil pekerja ekonomi gig adalah: **(1)** pendapatan tidak menentu bagi pekerja gig (*p-hailing*) terutamanya pada musim hujan dan bulan Ramadan yang akan datang; dan **(2)** komisen yang semakin rendah.



FGD 6: KOMUNITI PEKEBUN GETAH

FGD 6 bersama Komuniti Pekebun Getah telah diadakan di Pejabat Penghulu Kampung Labi, Tualak. Antara isu yang dibangkitkan oleh pekebun getah adalah: **(1)** kesukaran mendapat bantuan JKM, zakat dan lain-lain bantuan; **(2)** bantuan tidak menepati keperluan bagi pekebun getah; **(3)** tiada sokongan elaun sara hidup bagi pekebun getah yang mengusahakan sendiri di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sementara menunggu tempoh matang pokok; **(4)** masalah gejala sosial seperti dadah dan mencuri; **(5)** keperluan penambahbaikan jalan kebun; **(6)** masalah pengurusan dalaman; **(7)** masalah pengurusan sampah; **(8)** kualiti input pertanian (baja) yang tidak memuaskan; **(9)** ketirisan dalam pengagihan bantuan; **(10)** perubahan iklim mempengaruhi hasil tanaman; **(11)** kos sara hidup yang semakin tinggi; **(12)** risiko banjir warga asing; **(13)** kurangnya respons daripada agensi kerajaan berkaitan pemberian bantuan.; dan **(14)** akses yang terhad untuk mendapatkan barangan tempatan - jauh dari bandar.



FGD 7: KOMUNITI WANITA DAN IBU TUNGGAL

FGD 7 bersama Komuniti Wanita dan Ibu Tunggal telah diadakan di Dewan Maahad Tahfiz Darul Murabbi. Antara isu yang dibangkitkan oleh komuniti wanita dan ibu tunggal adalah: **(1)** kurang respons dari agensi kerajaan berkaitan bantuan; **(2)** kurang pendedahan tentang bantuan modal/bengkel kemahiran daripada agensi; **(3)** kecenderungan gangguan kemurungan dalam kalangan wanita; **(4)** kekurangan doktor pakar untuk penyakit seperti kencing manis, jantung dan penyakit wanita; **(5)** kurang peluang ekonomi bagi belia wanita; **(6)** keperluan khas untuk anak *autisme*; dan **(7)** cabaran pendidikan anak bersekolah.



FGD 8: KOMUNITI KG. PADANG CHENERAI

FGD 8 bersama Komuniti Kampung Padang Chenerai telah dijalankan di Pusat Komuniti Kampung Padang Chenerai, berdekatan Kedah *Rubber City*. Antara isu yang dibangkitkan oleh komuniti Kampung Padang Chenerai adalah: **(1)** risiko banjir warga asing dan orang luar, dan persaingan peluang pekerjaan dengan penduduk tempatan; **(2)** kebimbangan risiko pembangunan Kedah Rubber City dari segi pencemaran dan impak negatif, hak tanah pada masa akan datang, keselamatan jalan raya dan trafik yang melibatkan lori besar, dan kapasiti air yang dapat disalurkan kepada kampung; **(3)** masalah gejala sosial seperti dadah, mencuri dan perjudian; **(4)** proses permohonan geran tanah yang terlalu lama; **(5)** keadaan Sungai Sari tidak dapat diselenggara atas faktor persendirian; **(6)** konflik hidupan liar; **(7)** ancaman keselamatan negara disebabkan bersempadan dengan Thailand.



LAWATAN TAPAK 3: KEDAH RUBBER CITY

Satu lawatan tapak telah dijalankan ke Kedah Rubber City (KRC). KRC adalah satu projek '*game changer*' yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah untuk mentransformasi Kedah sebagai negeri yang maju, sekali gus merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. KRC ini mempunyai luas sebanyak lebih dari 500 hektar. Projek ini dijangka bakal menyumbang kepada sebanyak RM14.7 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan lebih kurang 14,500 peluang pekerjaan selepas siap sepenuhnya pada tahun 2030.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu P.007 Padang Terap

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Terap
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Terap
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (Kumpulan Parlimen Pelbagai Parti Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Lestari)
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority)
FGD	Fokus Kumpulan Berbincang (Focus Group Discussion)
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara (National Youth Skills Institute)
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat (Department of Social Welfare)
JPNK	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (Kedah State Forestry Department)
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran (Department of Irrigation and Drainage)
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health Malaysia)
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Muda Agricultural Development Authority)
PDRM	Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police)
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Department of Wildlife and National Parks)
PPK	Persatuan Peladang Kawasan (Area Farmers' Association)
PPR	Program Perumahan Rakyat (People's Housing Programme)
RISDA	Lembaga Industri Getah Pekebun Kecil (Rubber Industry Smallholders Development Authority)
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals)
SOP	Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure)
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training)

1.0 PENGENALAN

Parlimen Padang Terap terletak di negeri Kedah, Malaysia, dan merangkumi kawasan di bawah Daerah Padang Terap. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah kira-kira 1,357 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 69,177 orang berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Manakala, jumlah populasi yang layak mengundi adalah kira-kira 44,892 orang berdasarkan data pilihan raya terkini. Parlimen Padang Terap mempunyai kepadatan penduduk 51 orang per satu kilometer persegi.¹

Pada tahun 2022, YB Tuan Nurul Amin Hamid daripada parti Perikatan Nasional (PN-PAS) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Padang Terap²³. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Padang Terap ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Nurul Amin Hamid.



**YB Tuan Nurul Amin
Hamid**

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Padang Terap (P.007) terletak di negeri Kedah, Malaysia, dan merangkumi daerah Padang Terap yang merupakan daerah ketiga terbesar di Kedah dengan keluasan 1,356 km². Pusat pentadbiran daerah ini terletak di Kuala Nerang, dengan kawasan utama lain termasuk Naka, Pedu, dan Tasik Pedu. Nama Padang Terap berasal daripada pokok terap (*Artocarpus elasticus*), yang banyak tumbuh di kawasan padang atau tepi padang, dikenali dengan sifat tahan kemarau dan bergetah.

Secara geografi, Padang Terap bersempadan dengan Thailand di utara, daerah Sik dan Pendang di barat, serta mempunyai ciri topografi yang rata dan gersang, dengan kawasan padang yang ditumbuhi belukar jarang akibat tanah tandus dan musim kemarau selama empat bulan setiap tahun. Elemen semula jadi utama termasuk Tasik Pedu, sebuah tasik buatan yang menjadi tarikan pelancongan antarabangsa dan menyokong aktiviti perikanan darat, serta Sungai Pedu dan Sungai Ahning yang bertemu di Kuala Nerang. Kawasan ini juga mempunyai hutan simpan dan kebun getah, menyumbang kepada landskap hijau di daerah

Parlimen Padang Terap bersempadan dengan Parlimen Jitra di utara dan Parlimen Sik di selatan. Walaupun kebanyakannya kawasan luar bandar, terdapat pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, balai polis, dan klinik kesihatan, walaupun kekurangan

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Kawasanku Dashboard, Parlimen P.007 Padang Terap. Diakses dari <https://open.dosm.gov.my>

² Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2023). Keputusan Pilihan Raya Parlimen Padang Terap. Diakses dari <https://spr.gov.my>

³ Portal Rasmi Parlimen Malaysia. (2025). Profil Ahli Dewan Rakyat: YB Tuan Nurul Amin bin Hamid. Diakses dari <https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4046>

infrastruktur masih menjadi isu utama. Kawasan ini dipengaruhi oleh hubungan ekonomi dengan negeri Perlis sebagai pusat wilayah utara Malaysia.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Daerah Padang Terap, yang merangkumi Parlimen Padang Terap (P.007), adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Terap

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	60,300	91.8
2.	Cina	655	1.0
3.	India	87	0.1
4.	Lain-lain	4,656	7.1
JUMLAH KESELURUHAN		65,698	100

Jumlah penduduk Parlimen Padang Terap adalah seramai 65,698 orang dengan kepadatan penduduk 48 orang per kilometer persegi, menjadikannya kawasan dengan taburan penduduk jarang, mencerminkan sifat luar bandarnya. Bumiputera merupakan majoriti dengan 91.8 peratus, terutamanya Melayu, menunjukkan dominasi komuniti ini dalam aspek sosial dan ekonomi. Penduduk Cina dan India masing-masing membentuk 1.0 pertaus dan 0.1 peratus, manakala lain-lain etnik, termasuk warga asing, merangkumi 7.1 peratus. Komposisi ini mencerminkan masyarakat yang kurang pelbagai berbanding kawasan bandar, dengan kehadiran komuniti Siam di Kg. Beris sebagai salah satu kumpulan minoriti yang ketara.

Kesimpulannya, Padang Terap adalah kawasan luar bandar dengan penduduk berjumlah tinggi terdiri daripada komuniti etnik Bumiputera, khususnya Melayu, dengan bilangan kecil komuniti Cina, India, dan lain-lain. Komposisi ini mempengaruhi aktiviti ekonomi yang berfokus kepada pertanian dan keperluan infrastruktur asas.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Padang Terap, terletak di utara Kedah, merupakan kawasan luar bandar dengan ekonomi yang bergantung kepada sektor primer. Berdasarkan dokumen kajian pemetaan isu 2025 dan pemerhatian di tapak, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

- **Pertanian (Sawah Padi, Getah, dan Dusun)**

Pertanian adalah tulang belakang ekonomi Padang Terap, melibatkan aktiviti penanaman padi, getah, dan dusun buah-buahan. Kawasan seperti Kg. Pinang dan Lebuhraya TEKIH terkenal dengan sawah padi, walaupun bergantung pada tadahan air hujan kerana berada di luar kawasan MADA. Pekebun getah di Kg.

Labi dan FELDA Lubok Merbau menghadapi pendapatan rendah akibat harga getah yang tidak stabil. Dusun buah-buahan seperti pisang dan nenas turut menyumbang kepada ekonomi tempatan. Walau bagaimanapun, kekurangan infrastruktur seperti pengairan dan jalan kebun menyukarkan petani meningkatkan produktiviti.

- **Perikanan Darat**

Perikanan darat di Tasik Pedu adalah aktiviti ekonomi penting, menyokong nelayan darat di kawasan tersebut. Hasil tangkapan seperti ikan lampam dijual secara tempatan, tetapi pendapatan nelayan tidak menentu akibat musim kemarau, persaingan dengan nelayan luar, dan ancaman spesies invasif seperti ikan toman. Kekurangan infrastruktur jeti dan jalan ke kawasan penangkapan turut menjejaskan sektor ini.

- **Industri Gula**

Industri pemprosesan gula oleh Syarikat Gula Padang Terap adalah penyumbang ekonomi utama. Kilang gula di Kuala Nerang memproses tebu tempatan dan gula import, menyokong ladang tebu yang luas. Industri ini turut mempelbagaikan tanaman seperti pisang dan nenas untuk meningkatkan pendapatan. Sektor ini menyediakan peluang pekerjaan, walaupun cabaran seperti kos import gula mentah mempengaruhi keuntungan.

Secara keseluruhan, ekonomi Parlimen Padang Terap sebahagian besarnya merangkumi pertanian, perikanan darat, dan industri gula, mencerminkan sifat luar bandarnya. Kekurangan infrastruktur, kos input tinggi, dan pendapatan tidak menentu menjadi cabaran utama. Walau bagaimanapun, potensi pelancongan di Tasik Pedu dan hubungan ekonomi dengan Perlis dapat menyokong pembangunan masa depan jika infrastruktur diperbaiki dan peluang pekerjaan untuk belia diperluaskan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Padang Terap, yang terletak di negeri Kedah, merupakan kawasan luar bandar yang bergantung kepada sektor pertanian, khususnya padi, getah, dan kelapa sawit, serta perusahaan kecil dan sederhana. Aktiviti ekonomi seperti pertanian di kawasan seperti Kuala Nerang dan perusahaan mikro di kawasan pekan menyumbang kepada peluang pekerjaan penduduk tempatan. Hal ini selari dengan **Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, dengan sasaran berikut:

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui mempelbagaian, peningkatn dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Komposisi penduduk Padang Terap yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu dan minoriti etnik lain memerlukan usaha berterusan untuk memastikan keterangkuman sosial. Program komuniti seperti bantuan kepada petani kecil, warga emas, dan golongan B40, serta penyediaan akses kepada pendidikan dan kesihatan, adalah penting untuk mengelakkan ketidaksamaan. Ini selari dengan **Matlamat SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan**, dengan sasaran berikut:

Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

Sasaran 10.3: Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi serta mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.

Potensi pelancongan di Tasik Pedu, sebuah tasik buatan manusia yang dikelilingi oleh hutan hijau dan pemandangan semula jadi, menawarkan peluang untuk memajukan ekonomi tempatan melalui aktiviti ekopelancongan seperti pelancongan bot, perkhemahan, dan pemerhatian burung. Pembangunan pelancongan mampan di kawasan ini dapat menyokong pendapatan penduduk tempatan sambil memelihara alam sekitar. Inisiatif seperti pembinaan kemudahan pelancongan mesra alam, promosi budaya tempatan, dan pelan pelancongan berasaskan komuniti boleh meningkatkan tarikan pelancong sambil memastikan kelestarian sumber semula jadi. Ini selari dengan **Matlamat SDG 15: Kehidupan di Daratan**, dengan sasaran berikut:

Sasaran 15.1: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar daratan serta perkhidmatan ekosistemnya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung dan kawasan kering, selari dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.

Sasaran 15.9: Menjelang 2030, menyepadukan nilai ekosistem dan biodiversiti ke dalam perancangan nasional dan tempatan, proses pembangunan, pengurangan kemiskinan dan strategi serta akaun.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dijalankan oleh pasukan penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen Padang Terap serta mengenal pasti isu awalan yang wujud di kawasan ini. Kajian awalan ini merujuk kepada data sekunder seperti Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia), laporan Jabatan Pertanian Malaysia, laporan pelancongan daripada Tourism Malaysia, serta carian internet dan keratan akhbar berkaitan isu sosioekonomi dan alam sekitar di Padang Terap.

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Nurul Amin bin Hamid telah diadakan pada 11 November 2024 di Pusat Khidmat Parlimen Padang Terap untuk menerangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Terap. Pada 23 Disember 2024, Ketua Penyelidik telah menghadiri satu lagi mesyuarat di Parlimen Malaysia untuk membincangkan profil Parlimen Padang Terap dan draf tentatif lawatan tapak bersama YB Tuan Nurul Amin bin Hamid serta pegawai-pegawai khidmat parlimen.

Selain itu, bagi memastikan kerjasama dengan agensi tempatan, pasukan penyelidik APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat serta perbincangan dengan Pegawai Daerah Padang Terap pada 24 Februari 2025. Pihak Pejabat Daerah Padang Terap telah bersetuju untuk bekerjasama dalam menjayakan kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Terap ini.

Lawatan tapak ke Parlimen Padang Terap telah dijalankan pada 21 hingga 23 Februari 2025 (Jumaat hingga Ahad), sebagaimana yang dirancang bersama pihak YB dan APPGM-SDG. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi Fokus Kumpulan Berbincang (FGD) bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Padang Terap adalah seperti berikut:

1. Nurul Syaza Mazelan : Ketua Penyelidik
2. Rose Helen Ambrose : Pembantu Penyelidik
3. Mohammad Shazie Zaini : Pembantu Penyelidik
Mohd Sharil Firdaus Siva
4. Hirzawati Atikah Mohd Tahir : Pembantu Penyelidik

Sebanyak 8 FGD, 2 temubual mendalam, dan 3 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan, termasuk petani kecil, pekebun, nelayan, dan kawasan sekitar Tasik Pedu, selama tiga hari di Parlimen Padang Terap. Seterusnya, sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah Padang Terap pada 15

April 2025. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di jadual di bawah:

Jadual 1: Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Terap

TARIKH	PERKARA
21 Februari 2025 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 1: Dialog bersama Pesawah dan Pekebun • Lawatan Tapak 1 : Tasik Pedu • Sesi Dialog 2: Dialog bersama Nelayan Darat
22 Februari 2025 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 3: Dialog bersama Komuniti FELDA Lubok Merbau • Lawatan Tapak 2: Kawasan perkampungan Kg Beris (Petempatan Komuniti Siam) • Sesi Temubual Mendalam 1 bersama wakil komuniti Siam • Sesi Dialog 4: Dialog bersama Penduduk Kg. Kubang Juluk • Sesi Dialog 5: Dialog bersama Belia • Sesi Temubual Mendalam 2 bersama wakil pekerja ekonomi gig (<i>p-hailing</i>)
23 Februari 2025 , Ahad	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 6: Dialog bersama Komuniti Pekebun Getah Kg. Labi, Tualak • Sesi Dialog 7: Dialog bersama wanita dan ibu tunggal • Sesi Dialog 8: Dialog bersama Komuniti Kg. Padang Chenerai (Kedah Rubber City) • Lawatan Tapak 3: Kedah Rubber City
15 April 2025 , Selasa	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog Antara Agensi

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua Penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Terap, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa kekangan dihadapi semasa menjalankan kajian di Parlimen Padang Terap ini. Antaranya adalah pra-lawatan untuk berjumpa dengan Pegawai Daerah tidak

dapat dijalankan sebelum kajian pemetaan isu tiga hari tersebut. Pegawai Daerah hanya berkelapangan untuk berjumpa pada hari selepas kajian lapangan telah selesai, iaitu pada 24 Februari 2025. Maka, kajian pemetaan isu tiga hari telah dijalankan terlebih dahulu pada 21 hingga 23 Februari 2025 dan hal ini diambil maklum oleh pihak Pejabat Daerah Padang Terap. Walaupun begitu, Pegawai Daerah dan pihak Pejabat Daerah Padang Terap telah memberikan maklum balas yang sangat baik dan bersetuju untuk kerjasama dalam menjayakan kajian pemetaan isu ini.

Selain itu, sesi dialog bersama komuniti Siam terpaksa dibatalkan di saat akhir kerana tiada maklum balas daripada wakil komuniti Siam pada hari yang dijadualkan, iaitu pada 21 Februari 2025. Namun begitu, pihak Parlimen Padang Terap telah menggantikan sesi dialog tersebut dengan lawatan tapak dan sesi temubual bersama wakil komuniti Siam di Kg. Beris pada 22 Februari 2025. Manakala, sesi temubual bersama wakil pekerja ekonomi *gig (p-hailing)* dijalankan secara spontan oleh ketua penyelidik dan Ahli Parlimen Padang Terap semasa seorang pekerja *Grab* sedang menunggu makanan disiapkan. Walaupun temubual yang dijalankan dalam tempoh masa yang pendek, namun terdapat isu-isu yang relevan untuk diberi fokus.

2.4 Keterbatasan Kajian

Berdasarkan metodologi semasa bagi kajian pemetaan isu ini, lawatan tapak adalah terhad kepada tiga hari sahaja. Maka, jumlah kumpulan sasaran yang utama dapat disasarkan adalah sekurang-kurangnya lapan kumpulan sasaran. Bagi Parlimen Padang Terap, kajian pemetaan isu ini telah berjumpa sebanyak lapan kumpulan sasaran utama dan dua sesi temubual bersama wakil komuniti disasarkan. Kumpulan sasaran yang terpilih ini adalah berdasarkan perbincangan awal bersama Ahli Parlimen Padang Terap yang memberi fokus kepada kumpulan komuniti paling terjejas.

Selain itu, tempoh masa perbincangan semasa Dialog Bersama Agensi yang terhad juga menghadkan maklum balas yang diterima untuk menjawab semua isu komuniti yang dikumpulkan. Malah, terdapat juga beberapa agensi yang sewajarnya memberi maklum balas tidak hadir. Maka, terdapat beberapa isu yang tiada maklum balas daripada agensi.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 2: Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Fenomena peminggiran sosial terutamanya penagihan dadah dan kecurian	<p>Penagihan dadah tegar (syabu, heroin, ganja) melibatkan penduduk tempatan dan orang luar, terutamanya di FELDA Lubok Merbau, Kg. Sungai Burung, dan Kg. Padang Nyior, meningkatkan risiko keselamatan.</p> <p>Kecurian hasil pertanian dan barangan di kawasan petempatan, terutamanya di FELDA Lubok Merbau dan Kg. Labi, turut dilaporkan kerana aktiviti penagih dadah. Jarak berdekatan dengan sempadan Thailand memudahkan penyeludupan dadah.</p>	Sosial	Penduduk tempatan, golongan belia, penagih dadah	FELDA Lubok Merbau, Kg. Sungai Burung, Kg. Padang Nyior, Kg. Labi (Mukim Tualak), Kg. Padang Chenerai (sekitar Kedah Rubber City).	<p>SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan.</p> <p>SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat Sasaran 16.1: Mengurangkan secara signifikan semua bentuk keganasan dan kadar kematian yang berkaitan di seluruh dunia.</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	Kekurangan infrastruktur sokongan	<p>Infrastruktur terhadap seperti hanya satu ATM di FELDA Lubok Merbau, kekurangan balai polis (hanya pondok polis dengan keupayaan terhadap), satu ambulans KKM tanpa perkhidmatan swasta, dan tiada perkhidmatan bomba menyebabkan kesukaran penduduk menghadapi kecemasan dan keperluan harian.</p> <p>Lampu jalan yang tidak berfungsi pada waktu malam di Kg. Kubang Juluk turut meningkatkan risiko keselamatan.</p>	Sosial Tadbir Urus	Komuniti FELDA, penduduk tempatan	FELDA Lubok Merbau, Kg. Kubang Juluk, Parlimen Padang Terap.	<p>SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.</p>
3.	Kekurangan infrastruktur/ kemudahan untuk pertanian	Pesawah di Kg. Pinang bergantung pada tadahan air hujan tanpa pengairan MADA, manakala jalan ke sawah padi dan kebun berlubang serta titi yang	Ekonomi Tadbir Urus	Pesawah, pekebun, nelayan darat	Kg. Pinang, Tasik Pedu, Kg. Labi (Mukim Tualak).	<p>SDG 2: Sifar Kebuluran Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	(sawah padi dan kebun)	<p>daif menyebabkan kemalangan.</p> <p>Nelayan di Tasik Pedu menghadapi jeti yang tinggi, jalan sempit, dan tempat letak kenderaan terhad.</p> <p>Pekebun getah di Kg. Labi menghadapi jalan kebun yang teruk, menyukarkan akses.</p>				<p>asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan.</p> <p>SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua</p>
4.	Kemiskinan	Pesawah di Kg. Pinang menghadapi kerugian akibat kos input tinggi, penyakit padi, dan	Ekonomi Sosial	Pesawah, pekebun getah, nelayan darat	Kg. Pinang, Lebuhraya TEKIH, Kg. Labi (Mukim	<p>SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>potongan besar oleh kilang pemprosesan.</p> <p>Pekebun getah di Kg. Pinang dan Kg. Labi mendapat pendapatan rendah (RM1,500 sebulan) kerana harga getah rendah dan kualiti input (baja, benih) yang tidak memuaskan.</p> <p>Nelayan darat di Tasik Pedu menghadapi pendapatan tidak menentu akibat persaingan dan musim.</p>			Tualak), Tasik Pedu.	<p>kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.</p> <p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.</p>
5.	Kurang peluang ekonomi dan penglibatan belia	<p>Belia di Parlimen Padang Terap kurang berminat dalam pertanian akibat pendapatan rendah dan memilih migrasi ke bandar seperti Sungai Petani atau Alor Setar.</p> <p>Tambahan, peluang pekerjaan adalah terhad,</p>	Sosial Ekonomi	Belia	Parlimen Padang Terap, Kg. Kubang Juluk, Pekan Kuala Nerang.	<p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan.</p> <p>SDG 4: Pendidikan Berkualiti</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>dengan pendapatan purata belia RM1,000 dan tiada pekerjaan yang menepati minat.</p> <p>Kursus TVET di Kolej Komuniti, Kolej MARA, dan IKBN tidak menarik minat belia, yang lebih cenderung kepada perniagaan dan pertanian moden.</p>				<p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.</p>

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Pesawah dan Pekebun Tarikh: 21 Februari 2025 Lokasi: Surau Nurul Ikhsan Kg Pinang Pedu Bilangan peserta: 26 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan		Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Pertanian 2. PPK 3. PERHILITAN 	
1.	Kekurangan sokongan infrastruktur/ kemudahan bagi aktiviti pertanian	<p>Kawasan pertanian sawah padi di Kampung Pinang bergantung sepenuhnya kepada tadahan air hujan sebagai sumber utama pengairan. Hal ini berlaku kerana kawasan tersebut terletak di luar lingkungan Kawasan Pembangunan MADA, menjadikan pesawah di Kampung Pinang tidak menerima kemudahan sistem pengairan berpusat seperti yang disediakan oleh MADA.</p> <p>Sebaliknya, perkhidmatan pengairan yang disediakan hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan lain di bawah MADA seperti Merbok, Sungai Petani, Kuala Kedah dan Pokok Sena.</p>	Jabatan Pertanian: Agensi mengakui kekurangan skim pengairan di Padang Terap, dengan hanya 2-3 skim saliran sedia ada. Sungai Pedu yang rendah menyukarkan pengairan untuk sawah padi yang terletak di kawasan tinggi, menyebabkan pergantungan kepada air hujan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Dalam konteks ini, air empangan yang terdapat di kawasan tersebut pula tidak digunakan untuk pertanian, sebaliknya diperuntukkan khusus bagi kegunaan domestik penduduk setempat.</p> <p>Akses ke sawah padi dan kebun di kampung ini perlu ditambah baik berikutan keadaan jalan yang berlubang serta titi yang daif dan berbahaya sehingga menyebabkan beberapa kemalangan.</p> <p>Terdapat cadangan penambahbaikan termasuk menurap jalan dengan batu kasar di kawasan sawah padi dan membina semula serta melebarkan titi ke kebun getah, dusun dan sawit bagi meningkatkan keselamatan dan kelancaran aktiviti pertanian. Namun begitu, tiada tindakan diambil walaupun lawatan tapak telah dijalankan.</p>	<p>Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menetapkan harga benih padi diturunkan daripada RM58 kepada RM56 sekampit (20 kg) mulai 15 April 2025 untuk mengurangkan kos petani.</p> <p>PPK menyatakan racun disubsidi, tetapi keberkesanan bergantung pada disiplin pengusaha. Tiada maklum balas khusus mengenai kualiti benih getah atau keperluan baja yang lebih kerap.</p>
2.	Hasil pendapatan tidak menguntungkan	<p>Pesawah tidak mendapat keuntungan yang setimpal apabila perlu menghadapi kos input pertanian yang semakin tinggi. Contoh kerugian bagi pesawah: 1 guni 100kg, kilang akan potong 48kg. Kilang akan memotong padi hampar, bendasing dan daun-daun padi.</p> <p>Apabila hasil yang tidak berbaloi, maka ada kemungkinan tiada lagi petani pesawah pada masa</p>	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>akan datang. Contoh sedia ada, di Lebuhraya TEKIH, bendang padi tersebut telah ditinggalkan tanpa diusahakan.</p> <p>Pesawah menghadapi cabaran apabila padi diserang penyakit dan menyebabkan hasil tidak banyak.</p> <p>Petani mempunyai pilihan yang terhad untuk menjual hasil padi. Buat masa sekarang, pesawah hanya menjual terus kepada kilang pemprosesan padi/beras (pihak swasta).</p>	
3.	Kekurangan bantuan bagi pesawah seperti jentera, baja dan racun	<p>Walaupun subsidi dan bantuan telah disediakan oleh pihak kerajaan, namun, pesawah/pekebun mempunyai cabaran dalam pengisian borang secara atas talian</p> <p>Mereka memerlukan bantuan daripada orang-orang muda atau berpengetahuan menggunakan kemudahan teknologi dalam pengisian borang bantuan tersebut meskipun mereka berkelayakan untuk menerima bantuan</p> <p>Cadangan: PPK (Persatuan Peladang Kawasan) Kuala Nerang yang mempunyai data lengkap tentang pesawah sewajarnya membantu dalam pengurusan hal ehwal pesawah termasuk bantuan dan subsidi.</p>	<p>PPK: PPK menjelaskan 90 peratus permohonan bantuan masih menggunakan borang manual, dan pejabat bersedia membantu pesawah mengisi borang. Semua bantuan tertakluk pada SOP dan prosedur yang ditetapkan.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Kekurangan penglibatan belia dalam pertanian	<p>Kekurangan belia untuk mewarisi aktiviti pertanian terutamanya bagi sawah padi dan kebun. Hal ini kerana, hasil padi dilihat tidak menguntungkan, maka belia lebih memilih untuk bekerja di kilang sahaja.</p> <p>Belia juga lebih memilih untuk bermigrasi keluar ke kawasan yang memberi banyak peluang pekerjaan seperti ke Sungai Petani, Alor Setar, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.</p>	<p>Jabatan Belia dan Sukan:</p> <p>Agensi mengakui sesetengah belia berminat dalam pertanian dengan teknologi baharu, tetapi majoriti lebih memilih kerja kilang atau migrasi ke bandar. Tiada cadangan penyelesaian untuk meningkatkan penglibatan belia.</p>
5.	Kemiskinan	<p>Pekebun tidak mampu untuk menyara keluarga dengan hanya pendapatan yang sangat sedikit terutamanya pada musim kemarau dan tengkujuh apabila hasil pertanian sangat menurun.</p> <p>Harga jualan getah yang sangat rendah menyebabkan hasil pendapatan penoreh getah sangat sedikit (contoh: sehari hanya RM50, lebih kurang RM1,500 sebulan)</p> <p>Cadangan: Meletakkan harga lantai bagi getah, iaitu RM4.50 sekilo</p> <p>Kos sara hidup bagi menyara keluarga yang ramai amat membebankan ketua keluarga.</p>	<p><i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Pertembungan hidupan liar dan aktiviti ekonomi tempatan	<p>Ancaman gangguan gajah liar yang merosakkan tanaman getah, sawit dan dusun buah-buahan.</p> <p>Contohnya, daripada 600 pokok getah yang ditanam, kini hanya 400 pokok sahaja yang selamat, selebihnya dirosakkan oleh gajah (gajah makan kulit getah).</p> <p>Penduduk dan pekebun telah melaporkan kepada agensi berkaitan, namun isu ini masih berlarutan.</p> <p>Pihak PERHILITAN telah memasang lampu di jalan sebagai inisiatif untuk mengelakkan kemalangan pertembungan dengan gajah dan hal ini dilihat berkesan.</p> <p>Maka, pekebun juga bercadang untuk memasang lampu solar di kawasan kebun mereka.</p>	<p>PERHILITAN:</p> <p>28 aduan berkaitan gangguan gajah telah diterima di Kampung Pinang antara 2021 hingga Mac 2025.</p> <p>Tindakan diambil sebanyak 216 kali, termasuk operasi pemantauan dan tembak halau.</p> <p>10 ekor gajah dikenalpasti berasal dari kawasan Naka.</p> <p>Setakat ini, tiada tangkapan atau pindahan gajah kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos pindahan seekor gajah = RM40,000 • Jumlah diperlukan untuk 10 ekor = RM400,000 • Jabatan menghadapi kekangan peruntukan kewangan. <p>□ Penyelesaian semasa: Tembak halau dan rondaan bulanan oleh 3 kakitangan sahaja di bawah kawasan Sik dan Padang Terap.</p> <p>□ PERHILITAN juga bekerjasama dengan JPNK (Jabatan Perhutanan Negeri Kedah) untuk memastikan kawasan hutan simpan kekal terpelihara sebagai habitat semula jadi gajah.</p>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Nelayan Darat Tasik Pedu Tarikh: 21 Februari 2025 Bilangan peserta: 16 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <i>Tiada</i>
1.	Kekurangan sokongan infrastruktur/ kemudahan untuk aktiviti perikanan	<p>Keluasan tempat letak kenderaan yang terhad untuk para nelayan menaikkan hasil tangkapan ikan.</p> <p>Keadaan jalan yang sempit dan gelap untuk ke kawasan jeti. Mencadangkan untuk meluaskan lebar jalan dan memasang lampu.</p>	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
2.	Hasil tangkapan tidak menguntungkan	<p>Pada musim kemarau, harga ikan boleh dijual pada harga yang tinggi (RM7-8 sekilo bagi ikan lampam). Tetapi pada musim kemarau hasil tangkapan ikan sangat sedikit.</p> <p>Manakala, apabila pada musim tengkujuh, nelayan darat terpaksa bersaing dengan ramai nelayan yang lain dan harga jualan ikan juga menurun kepada RM4 sekilo.</p>	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
3.	Proses bantuan yang rumit bagi nelayan	Semua nelayan darat tidak menerima insentif dan subsidi minyak walaupun mempunyai lesen kerana tidak cukup jam seperti mana dalam syarat yang ditetapkan.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Nelayan hanya turun menangkap ikan lebih kurang 16 hari sahaja dalam sebulan kerana terdapat ombak yang kuat. Sedangkan syarat untuk mendapat insentif perlu 25 hari sebulan.</p> <p>Selain itu, nelayan juga tiada menerima bantuan daripada segi peralatan seperti pukot. Nelayan perlu membelanjakan lebih kurang RM160 setiap 2 bulan sekali terutamanya apabila pukot rosak.</p>	
4.	Kelemahan pengurusan dan penyeliaan di Tasik Pedu	Kerosakan pukot nelayan disebabkan dilanggar oleh bot-bot luar yang tidak tahu keberadaan pukot. Bagi menangani masalah ini, terdapat keperluan untuk menetapkan zon penangkapan ikan dan zon aktiviti pelancongan dan penyeliaan kepada zon-zon yang ditetapkan.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
5.	Ancaman spesies invasif	Hasil tangkapan ikan di Tasik Pedu telah berkurangan kerana terdapat ancaman spesies invasif seperti ikan toman yang memakan hasil tangkapan ikan nelayan.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>FGD 3: Dialog Bersama Komuniti FELDA Lubok Merbau</p> <p>Tarikh: 22 Februari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 20 orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan</p>			<p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PDRM 2. AADK 3. Pejabat FELDA Lubok Merbau 4. Majlis Daerah Padang Terap 5. Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap 6. JPS
1.	Tingkah laku anti-sosial mengganggu kesejahteraan penduduk	<p>Kes penagihan dadah tegar yang banyak dalam kalangan penduduk dan orang luar di sekitar FELDA Lubok Merbau.</p> <p>Kebanyakan penagih dadah ini mengambil dadah jenis syabu, heroin dan ganja.</p> <p>Kecurian yang sering berlaku di kawasan pertanian dan kawasan petempatan.</p> <p>Masalah merempit dalam kalangan kanak-kanak seawal 11-12 tahun dan pernah berlaku kemalangan kecil. Perkara ini membimbangkan penduduk tempatan terhadap keselamatan anak-anak muda dan orang awam.</p>	<p>PDRM & AADK:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Operasi berterusan terhadap penagih. • Tangkapan: 291 kes antara 2023–2025. • AADK jalankan program <i>psychosocial</i> bulanan di lokasi terlibat. • Masalah ketum dikaitkan sebagai bahan gantian dadah (isu polydrug). <p>Pejabat FELDA Lubok Merbau:</p> <p>Kekurangan anggota polis – hanya 2 orang di pondok polis Lubok Merbau untuk kawal kawasan 3,000 penduduk.</p> <p>Kesukaran dapat maklumat lengkap daripada komuniti (aduan umum tanpa nama).</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Walaupun pernah ditangkap dan dirampas motor, kes merempit masih berulang.	
2.	Keperluan infrastruktur sokongan	Perkhidmatan ATM yang sangat terhad apabila hanya terdapat 1 sahaja ATM disediakan. Maka, sekiranya ATM rosak atau kehabisan stok duit tunai akan menyukarkan penduduk untuk mengeluarkan duit.	Pejabat FELDA Lubok Merbau: Hanya satu ATM (Bank Rakyat) tersedia di FELDA Lubok Merbau, yang tidak mencukupi untuk komuniti lebih 7,000 orang termasuk penduduk kampung sekitar seperti Danglau dan Kg. Dusun. Agensi mengakui kekurangan ini tetapi tiada penyelesaian segera dicadangkan.
		Keperluan menaik taraf pondok polis kepada balai polis selaras dengan jumlah penduduk yang ramai, iaitu hampir lebih 10,000 orang. Pondok polis semasa hanya ada anggota polis sahaja untuk memantau keadaan sekitar FELDA Lubok Merbau. Sedangkan kes penagihan dadah dan kecurian menjadi perkara yang sangat membimbangkan penduduk. Sekiranya, naik taraf balai polis tidak dapat dibangunkan segera, penduduk berharap pondok polis semasa dapat menerima kes kecemasan seperti kes kematian dan kes kecurian.	Pejabat FELDA Lubok Merbau: Pondok polis di FELDA Lubok Merbau hanya mempunyai dua anggota untuk pemantauan berkala, yang tidak mencukupi untuk menangani kes penagihan dadah dan kecurian. Tiada rancangan segera untuk menaik taraf kepada balai polis.
		Kekurangan perkhidmatan ambulans memandangkan hanya terdapat 1 sahaja ambulans KKM disediakan dan tiada perkhidmatan ambulans swasta.	Pejabat FELDA Lubok Merbau: Agensi menjelaskan bahawa prosedur standard (SOP) untuk kes kecemasan adalah menghubungi 999, yang boleh mengarahkan ambulans dari klinik kesihatan berdekatan jika ambulans Klinik

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Sekiranya terdapat 2 kes kecemasan pada masa yang sama akan menyukarkan pesakit untuk mendapat perkhidmatan yang segera.</p> <p>Keperluan untuk perkhidmatan bomba kerana jarak yang jauh melambatkan maklum balas dan tindakan untuk hal kecemasan. Baru-baru ini, terdapat kes kebakaran dan bantuan bomba lambat sampai kerana jarak yang jauh.</p> <p>Keadaan surau yang berusia 46 tahun yang telah uzur memerlukan penambahbaikan. Dana peruntukan sebanyak RM120,000 diperlukan untuk menambahbaik surau.</p> <p>Surat permohonan telah dihantar ke Pejabat Agama. Namun, masih belum mendapat maklum balas.</p>	<p>Kesihatan (KK) Lubuk Merbau tidak mencukupi. Kekangan ambulans (satu sahaja setiap klinik) diakui, tetapi tiada penyelesaian tambahan dikemukakan.</p> <p>Pejabat FELDA Lubok Merbau: Hanya satu balai bomba di Kuala Nerang, terletak 40 km dari kawasan terpencil, menyebabkan kelewatan tindakan. Bomba sukarela melibatkan komuniti wujud, tetapi kekurangan infrastruktur bomba kekal menjadi isu.</p> <p><i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>
3.	Keperluan penstrukturan alamat rumah	Terdapat keperluan penstrukturan alamat rumah bagi Kg. Dusun dan Kg. Baru Ketapang. Hal ini menyebabkan kesukaran bagi penduduk untuk menyatakan alamat mereka secara rasmi untuk pelbagai kegunaan (pos/pendaftaran IC/kecemasan)	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap: Agensi akan memaklumkan isu penstrukturan alamat rumah di Kg. Dusun dan Kg. Baru Ketapang kepada penghulu untuk penyeragaman alamat. Penghulu diminta untuk mengenal pasti semula keperluan ini, memandangkan kampung-kampung</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ini terletak di luar kawasan FELDA tetapi bergantung kepada kemudahan FELDA.
4.	Kesukaran mendapat bantuan sosial	<p>Terdapat kes yang tidak berjaya mendapatkan bantuan JKM dan zakat kerana dikatakan tidak layak disebabkan status beliau sebagai peneroka/pentadbir FELDA yang mempunyai pendapatan daripada hasil kebun getah. Namun, hakikatnya terdapat pentadbir yang perlu membahagikan hasil tanaman kepada adik beradik yang lain.</p> <p>Selain itu, terdapat juga kes di mana permohonan yang dibuat tidak mendapat maklum balas hampir sebulan.</p>	<p>JKM: Sesetengah peneroka FELDA dan keluarga dengan anak bekerja atau memiliki Astro masih menerima bantuan zakat dan bantuan JKM.</p>
5.	Status pemilikan tanah di Kg. Dusun masih tergantung akibat kedudukan sebagai rizab FELDA	<p>Kg. Dusun yang terletak pinggir Felda Lubok Merbau tidak mempunyai geran rumah lagi disebabkan status tanah tersebut adalah rizab FELDA dan memerlukan kelulusan. Namun, terdapat juga beberapa rumah yang mempunyai geran TOL.</p> <p>Walaupun aktiviti sukat tanah telah dilakukan namun proses mendapat geran masih tergantung.</p>	<p>Pejabat FELDA Lubok Merbau: FELDA tidak memberikan pemilikan tanah baharu, tetapi anak peneroka dibenarkan menyewa tanah rizab FELDA untuk tanaman kontan tanpa binaan kekal, tertakluk pada kelulusan ibu pejabat FELDA. Di Kg. Dusun, dua lot telah diberikan geran, tetapi status tanah di luar perkampungan FELDA Lubok Merbau masih memerlukan pengesahan Pejabat Tanah.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Keperluan penyelenggaraan kawasan rekreasi membataskan aktiviti sosial	Tiada penyelenggaraan dijalankan di padang bola semasa menyebabkan semak samun naik. Maka, tiada tempat aktiviti sosial bagi anak FELDA.	<p>Pejabat FELDA Lubok Merbau:</p> <p>Untuk padang bola di FELDA Lubok Merbau, agensi menafikan tiada penyelenggaraan, menyatakan padang digunakan setiap hari dengan penyelenggaraan bulanan dan acara seperti liga bola sepak bawah 12 tahun dirancang pada Mei 2025. Walau bagaimanapun, keperluan taman permainan kanak-kanak diakui. Di kawasan lain, padang bola tidak dapat digunakan kerana pemilik tanah individu melarang aktiviti selepas geran hak milik dikeluarkan, dan pokok ditanam untuk menghalang penggunaan.</p>
7.	Tiada sokongan elaun sara hidup dalam tempoh penanaman semula	Bagi peneroka yang menjalankan penanaman semula getah/sawit menghadapi cabaran terutamanya dalam tempoh penebangan pokok sehingga penanaman anak pokok baharu. Dalam tempoh ini, mereka tidak mendapat elaun sara hidup.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
8.	Pertembungan hidupan liar dengan aktiviti ekonomi tempatan	Gangguan anjing, babi hutan, dan kera berlaku di sekitar kawasan FELDA. Hidupan liar ini masuk ke kawasan kebun dan rumah. Penduduk pernah tercedera diserang babi hutan pada 2016.	<p>Majlis Daerah Padang Terap:</p> <p>Majlis menjalankan penangkapan anjing terbiar di kawasan perkhidmatan, tetapi kekangan kakitangan dan peralatan membatasi tindakan di kawasan kampung. Tiada maklum balas khusus tentang babi hutan, dan monyet.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Untuk masalah anjing liar, penduduk telah membuat aduan ke Majlis dan tindakan telah dilakukan.	
9.	Keperluan penyelenggaraan pokok besar di tepi jalan	<p>Terdapat banyak pokok besar di tepi jalan. Oleh itu, wujud keperluan untuk penyelenggaraan seperti penebangan pokok untuk tujuan keselamatan.</p> <p>Penduduk mengharapkan untuk mendapat kerjasama daripada agensi seperti penggunaan jentera khas untuk memotong pokok besar.</p>	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
10.	Sistem pengairan yang kurang berkesan menyebabkan risiko banjir pada musim tengkujuh	<p>Keadaan tanah yang terhakis menyebabkan parit semakin besar terutama pada musim hujan. Air daripada Blok 7 yang dibawa ke Blok 6 menyebabkan blok 6 akan menghadapi banjir terlebih dahulu.</p> <p>Namun, masih tiada tindakan daripada mana-mana pihak bagi menangani masalah ini daripada terus berlaku. Maka, terdapat beberapa kawasan terjejas dengan banjir setiap kali musim tengkujuh. Banjir yang berlaku adalah disebabkan limpahan sungai dan fenomena hujan dalam jumlah isipadu yang tinggi.</p>	<p>JPS:</p> <p>JPS melaksanakan kerja pembersihan dan pengorekan segera apabila hujan melebihi 60–100 mm dan menyebabkan banjir. Banjir di FELDA dipengaruhi oleh limpahan Empangan Muda dan hujan lebat, menyebabkan jalan terputus dan penduduk terperangkap.</p>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Penduduk Kg. Kubang Juluk Tarikh: 22 Februari 2025 Bilangan peserta: 25 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> Jabatan Belia dan Sukan Majlis Daerah Padang Terap
1.	Keperluan infrastruktur sokongan	<p>Masalah lampu jalan yang rosak apabila hanya menyala pada waktu siang tetapi tertutup pada waktu malam. Hal ini, menyebabkan keadaan jalan yang gelap.</p> <p>Selain itu, Ketiadaan padang bola untuk anak muda bermain dan beraktiviti sosial. Kawasan yang ada diambil semula oleh pemilik tanah individu. Sebelum ini padang bola tersebut digunakan untuk program Maulidur Rasul dan program belia.</p>	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
2.	Kualiti input pertanian (benih) yang tidak baik	Kualiti benih bagi pokok getah juga dikatakan tidak memuaskan. Pokok getah yang terhasil kurang mengeluarkan susu getah.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
3	Akses yang terhad untuk mendapatkan barangan tempatan	<p>Penduduk tidak dapat pergi ke tempat jualan Rahmah yang ditetapkan kerana jauh di pekan. Masih tiada lagi program jualan Rahmah diadakan di sekitar atau berdekatan kampung ini.</p> <p>Pada pendapat pesawah, padi tempatan yang dimasukkan ke dalam kilang diproses dan akhirnya</p>	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>dilabelkan sebagai beras import. Ini menunjukkan bahawa padi tempatan, walaupun dihasilkan oleh petani tempatan, kehilangan identitinya selepas diproses di kilang. Proses ini menyebabkan beras yang keluar dari kilang dianggap sebagai beras import, walaupun asalnya adalah padi tempatan.</p> <p>Selain itu, terdapat juga beras import dicampur dengan beras tempatan, tetapi keseluruhan produk akhir dilabelkan dan dijual sebagai beras import. Ini menimbulkan persepsi bahawa tiada beras tempatan yang dijual, walaupun sebahagian daripada produk tersebut sebenarnya berasal dari padi tempatan.</p>	
4.	Kos sara hidup yang semakin tinggi	Kebimbangan penduduk kampung terhadap kenaikan harga barang, termasuk barang makanan dan alat ganti, yang berlaku secara tidak konsisten dan tanpa harga tetap. Kenaikan harga ini menyumbang kepada masalah ekonomi yang membebankan penduduk kampung, yang merasa menjadi mangsa utama ketidakstabilan ekonomi tanpa penyelesaian yang jelas.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
5.	Kekurangan kesedaran dan akses	Walaupun terdapat bantuan disediakan oleh agensi-agensi kerajaan tetapi tidak diketahui oleh pengusaha, petani dan pesawah.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kepada bantuan kerajaan	Sebagai contoh, terdapat subsidi minyak disediakan untuk penoreh daripada RISDA tetapi tidak dimohon kerana perlu dimohon secara atas talian.	
6.	Ekosistem pembangunan ekonomi belia yang kurang berkesan	Walaupun terdapat banyak inisiatif dan geran yang disediakan oleh pihak kerajaan, tetapi kurang dimohon oleh golongan belia disebabkan kekurangan kemahiran. Hal ini disebabkan kurang kemahiran dalam literasi digital, pemahaman kepada proses permohonan dan syarat diperlukan serta kaedah pengurusan projek kurang diberikan pendedahan.	Jabatan Belia dan Sukan Agensi menyatakan pelbagai inisiatif dan platform telah ditawarkan untuk membantu belia keluar daripada kemiskinan, tetapi sambutan di Padang Terap kurang, mungkin kerana kekurangan kemahiran literasi digital dan pengurusan projek.
7.	Pertembungan hidupan liar dengan masyarakat tempatan	Terdapat gangguan hidupan liar seperti babi hutan, memerang, dan monyet di sekitar kampung yang mengganggu penduduk.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi bagi kawasan ini.</i>
8.	Ketiadaan sistem pengurusan sampah	Disebabkan tiada pengurusan sampah di kawasan kampung, maka ada segelintir penduduk membuang sampah ke sungai atau membakar. Ada yang membuang ke dalam tong yang berada sejauh 3 km di pekan.	Majlis Daerah Padang Terap: Majlis tidak menyediakan perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan tanpa cukai pintu, tetapi mencadangkan penduduk menyewa tong sampah roro melalui syarikat swasta seperti Idaman jika komuniti mempunyai peruntukan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10.	Risiko fenomena banjir pada musim tengkujuh	Terdapat beberapa kawasan terjejas dengan banjir setiap kali musim tengkujuh. Banjir yang berlaku adalah disebabkan limpahan sungai dan jumlah hujan yang tinggi.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Belia Tarikh: 22 Februari 2025 Bilangan peserta: 17 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah
1.	Kurang peluang ekonomi bagi belia	<p>Tiada peluang pekerjaan yang meluas menepati minat dan kemahiran belia. Peluang pekerjaan sedia ada hanya tertumpu kepada sektor pertanian yang kurang diminati segelintir belia terutamanya bagi lepasan universiti. Malah, kemasukan warga asing juga semakin banyak dalam sektor pertanian ini.</p> <p>Belia menghadapi kesukaran ekonomi terutama bagi penoreh getah dan peniaga kecil. Penoreh getah tidak mendapat pendapatan tetap kerana hasil kerja bergantung pada cuaca; hujan menyebabkan tiada pendapatan. Sebaliknya, peniaga kecil seperti pembuka kedai menghadapi kesukaran membayar gaji pekerja mengikut had gaji minimum (RM1,700) hingga RM2,000 dan hanya mampu memberi gaji pekerja sebanyak RM1,000 kerana pendapatan kedai tidak menentu, terutamanya disebabkan oleh kurangnya pelanggan walk-in yang membeli di kedai.</p>	Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah: Gaji minimum RM1,700 dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2025, tetapi untuk majikan dengan 5 pekerja atau kurang, penguatkuasaan bermula 1 Ogos 2025. Ini mungkin menjelaskan gaji rendah belia (RM1,000) di sektor swasta.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Keperluan TVET dan bengkel kemahiran	Hanya terdapat 3 pusat pengajian tinggi, iaitu Kolej Komuniti, Kolej MARA dan IKBN. Namun, kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia atau keperluan semasa. Belia lebih berminat dalam perniagaan dan pertanian yang berteknologi baru/moden bagi tujuan membentuk aktiviti ekonomi belia.	Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah: Agensi mengakui kursus di Kolej Komuniti, Kolej MARA, dan IKBN tidak menepati minat belia, yang lebih cenderung kepada kerja bebas seperti ekonomi <i>gig</i> (Food Panda, Grab) berbanding pertanian atau pekerjaan tradisional. Tiada penyelesaian khusus dicadangkan untuk menyesuaikan kursus dengan minat belia dalam perniagaan atau pertanian moden.
3.	Kurang minat dalam pendidikan peringkat tinggi	Majoriti belia yang tidak menyambung pengajian adalah disebabkan mereka tidak mahu menanggung hutang PTPTN pada masa akan datang. Belia lebih mementingkan menyara hidup keluarga yang miskin berbanding menyambung pelajaran.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
4.	Peluang memiliki rumah yang terhad terutamanya untuk individu bujang	Belia pada masa sekarang kebanyakannya menyewa dan tinggal bersama keluarga kerana tidak layak memohon bantuan rumah zakat mahupun rumah PPR. Syarat bantuan rumah sedia ada lebih mengutamakan individu yang telah berkeluarga. Malah, belia pada masa sekarang lebih memilih untuk tidak berkahwin kerana tahap gaji yang tidak mampu menanggung kos sara hidup keluarga.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Temubual bersama wakil pekerja ekonomi gig (p-hailing) Tarikh: 22 Februari 2025 Bilangan peserta: 1 orang			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah
1.	Kurang peluang ekonomi bagi belia	<p>Tiada peluang pekerjaan yang meluas menepati minat dan kemahiran belia. Peluang pekerjaan sedia ada hanya tertumpu kepada sektor pertanian yang kurang diminati segelintir belia terutamanya bagi lepasan universiti. Malah, kemasukan warga asing juga semakin banyak dalam sektor pertanian ini.</p> <p>Belia menghadapi kesukaran ekonomi terutama bagi penoreh getah dan peniaga kecil. Penoreh getah tidak mendapat pendapatan tetap kerana hasil kerja bergantung pada cuaca; hujan menyebabkan tiada pendapatan. Sebaliknya, peniaga kecil seperti pembuka kedai menghadapi kesukaran membayar gaji pekerja mengikut had gaji minimum (RM1,700) hingga RM2,000 dan hanya mampu memberi gaji pekerja sebanyak RM1,000 kerana pendapatan kedai tidak menentu, terutamanya disebabkan oleh kurangnya pelanggan walk-in yang membeli di kedai.</p>	Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah: Gaji minimum RM1,700 dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2025, tetapi untuk majikan dengan 5 pekerja atau kurang, penguatkuasaan bermula 1 Ogos 2025. Ini mungkin menjelaskan gaji rendah belia (RM1,000) di sektor swasta.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Pekebun Getah Kg. Labi, Tualak Tarikh: 23 Februari 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. JKM 2. Majlis Daerah Padang Terap 3. FELCRA 4. PPK 5. Jabatan Pertanian
1.	Kesukaran mendapat bantuan kebajikan sosial	<p>Kesukaran mendapat bantuan kerana syarat yang ketat. Zakat, e-kasih atau lain bantuan JKM tidak akan diterima sekiranya pemohon mempunyai anak yang bekerja, ada astro dan sebagainya.</p> <p>Pemohon juga sukar untuk pergi ke pejabat agensi kerana masalah logistik. Penghulu pula dikatakan tidak membantu dan menyebabkan penduduk perlu menguruskan sendiri.</p> <p>Bantuan yang memerlukan permohonan secara atas talian juga memberi cabaran kepada penduduk kampung untuk mengisi borang tersebut kerana tidak celik IT.</p> <p>Permohonan bantuan tidak mendapat maklum balas atau sebab penolakan bantuan.</p>	<p>JKM: JKM menjelaskan bahawa permohonan bantuan ditolak jika pendapatan melebihi garis panduan (RM1,500 untuk PDK, RM5,000 untuk BPT). Sesetengah peneroka FELDA dan keluarga dengan anak bekerja atau memiliki Astro masih menerima bantuan zakat dan JKM. Agensi menafikan dakwaan penghulu tidak membantu, menyatakan setiap mukim mempunyai penghulu dan ketua kampung dengan nombor telefon yang boleh dihubungi. Untuk permohonan atas talian, penduduk boleh berurusan dengan penulok amil di masjid atau pejabat zakat secara langsung, terutamanya bagi yang tidak celik IT.</p> <p>JKM mengeluarkan surat penolakan dengan sebab seperti pendapatan anak yang mampu menanggung atau pemohon berpindah ke daerah lain, yang memerlukan permohonan semula di daerah baharu.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Bantuan tidak menepati keperluan bagi pekebun getah	<p>Walaupun RISDA telah memberikan bantuan baja dan benih tetapi pemberian baja yang sewajarnya untuk kegunaan di peringkat mengeluarkan susu getah adalah baja yang tidak sesuai. Dikatakan hanya baja untuk pembesaran anak pokok getah sahaja diberikan.</p> <p>Pekebun menganggap bantuan yang diberikan tidak telus.</p> <p>Contohnya, sepatutnya bantuan baja diterima adalah 10kg, tetapi pekebun hanya menerima 2-3kg sahaja.</p>	<p><i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p> <p><i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>
3.	Tiada sokongan elaun sara hidup bagi pekebun getah	<p>Bagi pekebun getah yang mengusaha sendiri di bawah RISDA, mereka tidak menerima apa-apa bantuan sara hidup sepanjang tempoh penanaman semula. Tempoh penanaman semula mengambil masa dalam lingkungan 6 tahun.</p> <p>Maka, pekebun terpaksa melakukan kerja sampingan yang lain sementara menunggu tempoh matang pokok untuk mengeluarkan susu getah.</p> <p>Pekebun memerlukan sejumlah RM13,000 sebagai modal penanaman semula termasuk benih, baja dan racun. Oleh itu, pekebun tidak</p>	<p><i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		cukup pendapatan untuk menampung kelangsungan hidup dalam tempoh 6 tahun tanpa bekerja sampingan.	
4.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Kebanyakan penagih dadah dikatakan mengambil dadah jenis syabu, heroin dan ganja. Penduduk tidak berani untuk mendekati penagih atas faktor keselamatan.	Maklum balas PDRM dan AADK lebih bertumpu di kawasan FELDA Lubok Merbau.
5.	Keperluan penambahbaikan infrastruktur dan fasiliti	Keadaan jalan kebun yang teruk di kawasan masuk ke kebun. Jalan tersebut digunakan oleh ramai pekebun sejauh 30 km. Permohonan untuk menambahbaik jalan telah diajukan kepada RISDA tetapi mempunyai syarat yang memerlukan persetujuan daripada 8 pemilik kebun. Namun, hanya 5 nama pekebun sahaja yang dapat dikumpulkan. Pekebun juga mengambil inisiatif sendiri membuat titi untuk laluan mereka.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
		Disebabkan tiada pengurusan sampah di kawasan kampung, maka ada segelintir penduduk membakar sampah.	Majlis Daerah Padang Terap: Majlis tidak menyediakan perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan tanpa cukai pintu, tetapi mencadangkan penduduk menyewa tong sampah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			roro melalui syarikat swasta seperti Idaman jika komuniti mempunyai peruntukan.
6.	Masalah pengurusan dalaman FELCRA	Pengurusan proses tanam semula bagi FELCRA dikatakan mengambil masa lebih lama berbanding dengan pekebun yang mengusaha sendiri. Tambahan pula, pekebun juga menghadapi cabaran penerimaan bantuan baja yang lambat.	FELCRA Agensi menjelaskan tiada FELCRA di Kg. Labi, hanya FELDA. Tiada maklum balas khusus mengenai kelewatan tanam semula atau bantuan untuk peneroka yang mengusahakan sendiri.
7.	Kualiti input pertanian (baja) yang tidak baik	Baja yang diberikan pada masa kini tidak memberikan kesan yang efektif berbanding dengan kualiti baja sebelum ini. Contohnya, kalau dulu hanya perlu membaja 1 atau 2 kali, tetapi sekarang perlu membaja 3 hingga 4 kali untuk memberikan kesan.	PPK: PPK menyatakan racun disubsidi, tetapi keberkesanan bergantung pada disiplin pengusaha. Tiada maklum balas khusus mengenai kualiti benih getah atau keperluan baja yang lebih kerap.
8.	Perubahan iklim mempengaruhi hasil tanaman	Pada 2 tahun lepas, kebanyakan pokok getah diserang penyakit kerana hujan yang terlalu banyak. Pernah juga terjadi kemarau yang panjang selama 4 bulan. Pada musim kemarau atau terlalu panas, ia menyebabkan pucuk anak pokok menjadi kecut dan tidak tumbuh elok.	Jabatan Pertanian: Jabatan Pertanian menawarkan khidmat nasihat untuk tanaman kolaborasi seperti jagung, pisang, dan ubi keledak bersama getah untuk mengurangkan kesan perubahan iklim. RISDA melaporkan kejayaan kawalan Penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis dan penyakit akar pada tahun 2025, meningkatkan hasil dan kebasahan getah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
9.	Kos sara hidup yang semakin tinggi yang membebankan komuniti tempatan termasuk petani	Kebanyakan harga barang naik membebankan komuniti tempatan. Kenaikan harga barang juga mempengaruhi kos modal pertanian.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama wanita dan ibu tunggal Tarikh: 23 Februari 2025 Bilangan peserta: 14 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. JKM
1.	Kurang maklum balas daripada agensi kerajaan berkaitan bantuan kebajikan sosial	Pemohon bantuan tidak mendapat maklum balas atau sebab penolakan permohonan bantuan.	JKM: JKM mengeluarkan surat penolakan dengan sebab seperti pendapatan anak yang mampu menanggung atau pemohon berpindah ke daerah lain, yang memerlukan permohonan semula di daerah baharu.
2.	Kurang pendedahan tentang bantuan sosial yang ada	Kekurangan kesedaran dan akses kepada bantuan untuk ibu tunggal di kawasan kampung. Walaupun terdapat agensi yang menawarkan bantuan, ibu tunggal kurang terdedah kepada maklumat ini, termasuk melalui media sosial, dan tidak tahu cara memanfaatkan peluang seperti program menjana pendapatan. Selain itu, proses permohonan bantuan sering rumit dengan syarat kelulusan yang tidak jelas, melibatkan borang berulang dan birokrasi, menyebabkan ramai ibu tunggal berputus asa untuk memohon kerana kekurangan panduan tentang syarat yang tepat.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Cabaran bebanan wanita dan kecenderungan gangguan mental mengganggu kesejahteraan sosial	Cabaran ibu tunggal akibat bekas suami yang tidak bertanggungjawab menafkahi anak-anak selepas perceraian, membebankan ibu dengan tanggungjawab kewangan dan emosi untuk menyara anak yang masih bersekolah. Ibu tunggal sering mengorbankan kesihatan fizikal (seperti menangani kanser) dan mental (termasuk kemurungan akibat memendam perasaan demi menjaga air muka suami), demi kebajikan anak. Akibatnya, anak-anak berisiko tercicir, dan generasi muda semakin enggan berkahwin kerana hilang kepercayaan terhadap lelaki berdasarkan pengalaman negatif ini.	Jabatan Kesihatan: Agensi mencadangkan rawatan kemurungan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital berdekatan untuk kes psikiatri. Kursus kaunseling pasangan dicadangkan diurus oleh Pejabat Agama atau JKM untuk menangani isu emosi dan keruntuhan institusi keluarga.
4.	Kekurangan doktor pakar untuk penyakit kritikal dan penyakit wanita	Penduduk kebanyakannya menghadapi masalah kesihatan seperti kencing manis, jantung. Untuk rawatan kencing manis dan jantung, penduduk dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar kerana tiada doktor pakar di Padang Terap. Di Padang Terap hanya terdapat klinik panel pakar yang hanya memberikan perkhidmatan sangat terhad dalam tempoh tertentu sahaja.	Jabatan Kesihatan: KKM mengakui tiada pakar jantung di Padang Terap; rawatan kencing manis dan jantung dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah (Alor Setar) atau Hospital Sungai Petani. Dua pakar kesihatan keluarga di klinik kesihatan Padang Terap menangani kes kronik, dan kes kanser payudara dirujuk ke Pulau Pinang kerana tiada pusat kanser di zon utara setakat ini.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat juga wanita yang menghadapi kanser payudara yang memerlukan rawatan khas di Pulau Pinang setiap bulan.	
5.	Kurang peluang ekonomi bagi belia wanita	Belia wanita juga menghadapi cabaran dalam mencari pekerjaan kerana peluang yang sangat terhad bagi wanita.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
6.	Keperluan khas untuk anak autisme	Terdapat kanak-kanak OKU yang telah didiagnosis seawal 4-6 tahun yang memerlukan pendekatan khas dalam pendidikan dan asuhan. Namun begitu, PASTI masih menerima kanak-kanak yang disaring sebagai autisme atas belas ihsan.	Jabatan Kesihatan: Agensi menyatakan kanak-kanak autisme yang didiagnosis harus dimasukkan ke sekolah pendidikan khas atau pusat asuhan pendidikan khas, dan tanggungjawab ini terletak pada ibu bapa.
7.	Sokongan yang diperlukan ibu bapa dalam menyokong usaha persekolahan anak-anak	Ibu tidak dapat membantu mengajar anak kerana silibus yang beraras tinggi (KBAT). Namun, untuk menghantar anak tuisyen, keluarga kurang berkemampuan kerana melibatkan kos. Jumlah buku yang banyak untuk anak bawa ke sekolah. Seorang ibu menimbang beg anak yang bersekolah di SRITI, dan beg anaknya seberat 14kg untuk dipikul.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Penamatan awal proses pendidikan dalam kalangan pelajar sekolah menengah	Terdapat pelajar yang mengambil keputusan untuk tidak sambung belajar terutamanya yang berada di peringkat sekolah menengah kerana kurang minat untuk belajar disebabkan silibus pelajaran yang susah. Hal ini merisaukan para ibu yang mengharapkan anak mereka habis belajar sehingga Tingkatan 5.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kg. Padang Chenerai (Kedah Rubber City) Tarikh: 23 Februari 2025 Bilangan peserta: 22 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Imigresen
1.	Risiko banjir dan orang luar	Penduduk risau mengenai risiko banjir warga asing yang akan semakin bertambah pada masa akan datang. Terdapat kemungkinan berlaku persaingan antara penduduk tempatan dan warga asing dalam sektor pekerjaan. Maka beberapa cadangan diutarakan seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan diutamakan • Komuniti mencadangkan agar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan semakan permit perniagaan yang lebih rapi di premis makanan yang dikendalikan oleh warga asing seperti Pattani. Semakan ini juga perlu memastikan pematuhan pengendali makanan asing terhadap syarat wajib vaksinasi yang ditetapkan oleh KKM, bagi menjamin tahap kebersihan dan keselamatan makanan awam. 	Jabatan Imigresen: Agensi menjelaskan kemasukan warga asing berdasarkan kelulusan kontrak untuk sektor tertentu seperti ladang kelapa sawit. Warga asing sanggup melakukan kerja sukar (contoh: menuai kelapa sawit) dengan pendapatan tinggi (RM7,000–RM8,000 sebulan), manakala penduduk tempatan cenderung memilih kerja ringan dengan gaji lebih rendah (RM2,000–RM3,000). Persaingan ini bukan semata-mata ekonomi tetapi dipengaruhi oleh sikap sosial penduduk tempatan.
2.	Kebimbangan risiko pembangunan <i>Kedah Rubber City</i> terhadap kemaslahatan	Penduduk risau akan berlaku pencemaran seperti pencemaran bau dan air daripada pemprosesan getah di kilang-kilang. Lokasi <i>Kedah Rubber City</i> yang bertentangan dengan Kg Padang Chenerai	Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap: Agensi menyokong KRC dari segi pertumbuhan ekonomi, tetapi mengakui cabaran infrastruktur seperti jalan dua lorong dari Alor Setar ke Pokok

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penduduk di sekitar kawasan KRC	akan memberikan kesan negatif secara langsung walaupun dalam jangka masa pendek.	Sena yang tidak mencukupi untuk trafik kilang. Tiada maklum balas khusus mengenai pencemaran atau kapasiti air.
		Penduduk juga risau keselamatan jalan raya dan trafik akan datang di sekitar KRC yang melibatkan lori-lori besar. Terdapat 3 sekolah berdekatan dengan jalan utama. Mereka mencadangkan untuk memperbesarkan jalan semasa dan menetapkan jadual lalu lintas kenderaan berat.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
		Penduduk risau terhadap kapasiti air yang dapat ditampung sekiranya KRC telah aktif dijalankan. Antara persoalan utama mereka, adakah air untuk penduduk tempatan dan aktiviti pertanian masih mencukupi?	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
3.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Penyalahgunaan dadah sintetik ("batu" atau "ais") di Parlimen Padang Terap membimbangkan, dengan pengguna kelihatan sihat tetapi berperilaku aneh. Kehadirannya diakui Jabatan Narkotik, berkait rapat dengan penyeludupan sempadan Thailand, memerlukan tindakan ketat dan kesedaran komuniti.	Maklum balas PDRM dan AADK lebih bertumpu di kawasan FELDA.
4.	Proses permohonan geran tanah yang terlalu lama	Penduduk Kg Padang Chenerai yang memohon geran tanah telah melalui proses yang sangat lama (30 tahun) tanpa maklum balas daripada Pejabat Daerah dan Tanah.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Masalah penyelenggaraan Sungai Sari	Keadaan Sungai Sari yang penuh semak samun dan tidak diselenggara menyebabkan banjir kilat. Namun, pihak berkuasa (JPS) tidak boleh menjalankan penyelenggaraan tersebut kerana kawasan berkaitan yang di sekitar tanah rizab sungai adalah di bawah milik individu dan perlu menjalankan proses pengambilan tanah.	JPS: JPS menjalankan penyelenggaraan berkala di rizab sungai, tetapi tidak dapat melaksanakan kerja di kawasan milik individu kerana kekangan undang-undang, memerlukan proses pengambilan tanah untuk Sungai Sari.
6.	Pertembungan hidupan liar dengan aktiviti ekonomi tempatan	Gangguan monyet di kampung ini membimbangkan penduduk, terutama di kawasan dusun. Monyet merosakkan tanaman, sukar dikawal berbanding babi kerana mampu melompat pagar berarus, memerlukan penyelesaian efektif untuk melindungi hasil pertanian.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
7.	Ancaman keselamatan negara	Padang Terap yang terletak bersempadan dengan Thailand juga mempunyai pintu masuk antarabangsa di Durian Burung. Selain itu, jalan tikus juga wujud di kebun-kebun getah. Terdapat kes ketirisan di pintu sempadan menyebabkan 'barang' mudah diseludup.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: *Potensi pembangunan pelancongan Tasik Pedu*

Tasik Pedu, sebagai tasik buatan berusia lebih 30 tahun, memiliki potensi tinggi untuk dikembangkan sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa kerana menawarkan pelbagai tarikan alam semula jadi yang unik. Keindahan tasik ini boleh dimanfaatkan untuk aktiviti seperti bot wisata, memancing, dan ekopelancongan, yang dapat menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, hasil madu tualang di kawasan ini diiktiraf sebagai yang terbaik di Asia, membuka peluang untuk pembangunan produk pelancongan berasaskan madu, seperti lawatan ladang madu dan jualan produk organik, yang boleh meningkatkan pendapatan komuniti setempat.

Walaupun begitu, potensi ini belum dimaksimumkan disebabkan kurangnya promosi dan penggiat pelancongan, serta isu infrastruktur seperti chalet yang rosak akibat banjir dan memerlukan kos penambahbaikan tinggi. Dengan pelaburan dalam promosi digital, pembinaan kemudahan moden seperti chalet baharu dan pusat pelancong, Tasik Pedu boleh menjadi hab pelancongan lestari yang menyumbang kepada ekonomi Parlimen Padang Terap, sambil mengatasi konflik dengan aktiviti perikanan melalui penetapan zon yang jelas.

- **Kekurangan promosi pelancongan**

Berdasarkan amatan daripada lawatan tapak, Tasik Pedu memiliki potensi besar sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan keindahan alam semula jadi yang memukau, dikelilingi hutan hujan tropika purba dan pemandangan bukit hijau yang tenang, serta hasil madu tualang yang diiktiraf sebagai terbaik di Asia kerana kandungan nutrien dan enzimnya yang unggul berbanding madu lain di rantau ini.⁴ Namun, kekurangan promosi pelancongan, terutamanya melalui saluran digital seperti laman web pelancongan negeri, media sosial, atau kerjasama dengan agensi pelancongan, menyebabkan tasik ini kurang dikenali walaupun kerajaan Kedah telah memperuntukkan dana untuk memulihkan potensinya.⁵ Ini menghadkan potensi ekonomi dan peluang pekerjaan bagi komuniti setempat.

- **Kurang penggiat pelancongan di Tasik Pedu**

Kekurangan penggiat pelancongan, seperti pemandu pelancong terlatih atau usahawan tempatan, menghalang pembangunan aktiviti pelancongan seperti bot

⁴ "Tasik Pedu," mStar, February 4, 2020, <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2020/02/04/tasik-pedu>.

⁵ "Popularkan Kembali Tasik Pedu Sebagai Destinasi Pelancongan," Sinar Harian, November 28, 2023, <https://www.sinarharian.com.my/article/636792/edisi/utara/popularkan-kembali-tasik-pedu-sebagai-destinasi-pelancongan>.

wisata, lawatan ladang madu, atau pakej ekopelancongan. Isu ini turut menyukarkan pembangunan infrastruktur seperti chalet moden, yang sebelum ini rosak akibat banjir, kerana tiada tenaga kerja mahir atau inisiatif tempatan yang mencukupi. Penetapan zon yang jelas antara aktiviti pelancongan dan perikanan juga diperlukan untuk mengelakkan konflik, tetapi kekurangan penggiat pelancongan menyukarkan pelaksanaan inisiatif ini.

Berdasarkan lawatan tapak kumpulan penyelidik ke Tasik Pedu, dimaklumkan hanya satu sahaja pengusaha rumah bot yang aktif di Tasik Pedu ini. Daripada amatan tapak juga tiada infrastruktur sokongan yang disediakan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan dijalankan. Malah, berdasarkan FGD bersama nelayan darat Tasik Pedu pula, terdapat konflik antara nelayan dan pelancong luar yang datang ke Tasik Pedu apabila hasil tangkapan ikan nelayan terganggu kerana kerosakan pukot yang dilanggar oleh pelancong.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan promosi pelancongan 2. Kurang penggiat pelancongan di Tasik Pedu
Cadangan Penyelesaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat pakej pelancongan Tasik Pedu lebih berpusat 2. Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar untuk menjalankan aktiviti pelancongan 3. Meningkatkan ekonomi pelancongan bagi Padang Terap terutamanya di Tasik Pedu
Kumpulan Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk sekitar Tasik Pedu • Pelancong
Kawasan	Tasik Pedu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.
SDG 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro,

	<p>kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.</p> <p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.</p> <p>Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.</p>
--	--

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan belia

Tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan belia di Parlimen Padang Terap menjadi isu utama yang dibangkitkan dalam FGD bersama anak muda, seperti yang dinyatakan dalam laporan asal, dengan kurang minat terhadap pendidikan peringkat tinggi disebabkan oleh faktor seperti hutang PTPTN yang tidak mahu ditanggung dan keperluan menyara keluarga miskin. Dari ulasan agensi melalui sesi libat urus, hanya terdapat tiga pusat pengajian tinggi iaitu Kolej Komuniti, Kolej MARA, dan IKBN, di mana kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia yang lebih cenderung kepada perniagaan atau pertanian moden dengan teknologi baharu. Agensi mengakui bahawa belia lebih suka kerja bebas seperti ekonomi *gig* (seperti Food Panda atau Grab) kerana tidak mahu terikat dengan jadual kerja tetap, walaupun gaji lebih rendah. Isu ini juga bangkit kerana kekurangan akses kepada kemahiran teknikal seperti TVET.

Cabaran sosioekonomi seperti kos sara hidup tinggi dan peluang ekonomi terhad, seperti yang dilaporkan dalam FGD, menyebabkan ramai belia terperangkap dalam pekerjaan berpendapatan rendah seperti pekerja *gig* dengan pendapatan tidak menentu. Dalam rumusan maklum balas agensi, tiada penyelesaian khusus dicadangkan untuk menyesuaikan kursus TVET dengan minat belia, walaupun diakui bahawa IPT setempat tidak membekalkan kos yang sesuai dengan keperluan semasa, seterusnya mengurangkan motivasi belia untuk mengejar pendidikan tinggi dan memperburukkan kitaran kemiskinan di kawasan tersebut.

- **Kurang minat dalam pendidikan**

Belia di Padang Terap kurang minat terhadap pendidikan peringkat tinggi kerana kluatir akan hutang PTPTN dan keperluan menyara keluarga miskin, malah ada memilih pekerjaan segera seperti ekonomi gig. Agensi turut menyokong bahawa hanya tiga pusat pengajian tinggi (Kolej Komuniti, Kolej MARA, IKBN) tersedia, tetapi kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia, yang lebih cenderung kepada perniagaan atau pertanian moden berteknologi. Selain itu, belia juga menunjukkan kekurangan motivasi untuk pendidikan tinggi akibat ketidaksesuaian kursus dengan minat. Kekurangan program kesedaran dan akses kepada pendidikan berkualiti turut menyumbang kepada sikap ini.

- **Kurang peluang ekonomi bagi belia**

Ramai belia bergantung pada pekerjaan berpendapatan rendah seperti p-hailing, yang menghadapi pendapatan tidak menentu, terutama semasa musim hujan dan Ramadan. Bagi pekerja gig di Kuala Nerang sering di bawah RM1,000 akibat permintaan rendah, dan pekerja ini tidak dilindungi Akta Kerja 1995 kerana status bebas. Manakala bagi belia yang bekerja swasta juga masih tidak mendapat gaji minimum RM1,700 yang ditetapkan oleh kerajaan. Tambahan pula, gaji minimum ini dikuatkuasakan mulai Februari 2025, tetapi majikan kecil hanya perlu mematuhi pada Ogos 2025, menyebabkan pendapatan belia kekal rendah. Agensi juga menyatakan bahawa sambutan masih di tahap yang rendah terhadap inisiatif ekonomi belia di Padang Terap, akibat kekurangan kemahiran digitalisasi dan pengurusan projek yang cekap dan berkesan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kurang minat dalam pendidikan 2. Kurang peluang ekonomi bagi belia
Cadangan Penyelesaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan pendidikan tambahan melalui tuisyen percuma kepada pelajar peringkat menengah dalam menggalakkan kepentingan pendidikan 2. Mengadakan program tarik minat belia untuk sambung belajar di IPT, TVET dan kemahiran lain.
Kumpulan Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah peringkat menengah
Kawasan	Parlimen Padang Terap
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan

SDG 4: Pendidikan berkualiti	<p>Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapat pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, yang akan membuahkan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.</p> <p>Sasaran 4.3: Menjelang 2030, memastikan akses sama rata bagi semua golongan lelaki dan wanita kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi, termasuk universiti, yang berkualiti dan mampu biaya.</p> <p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk pengajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.</p> <p>Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya selamat dan bebas keganasan, kewarganegaraan global dan menghargai kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.</p>
SDG 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekurangan kemahiran pemasaran dalam kalangan usahawan wanita dan ibu tunggal

Kekurangan kemahiran pemasaran dalam kalangan usahawan wanita dan ibu tunggal di Parlimen Padang Terap menjadi isu ketara seperti yang dibangkitkan dalam FGD bersama komuniti wanita dan ibu tunggal, di mana kurang pendedahan tentang bantuan modal dan bengkel kemahiran daripada agensi kerajaan menghalang wanita ini daripada memperkukuhkan perniagaan mereka. Agensi kerajaan juga mengesahkan bahawa kurang maklum balas agensi menyebabkan wanita usahawan tidak mendapat latihan kemahiran yang relevan, termasuk pemasaran, yang penting untuk mempromosikan produk tempatan dan meningkatkan pendapatan.

Cabaran sosioekonomi seperti kos sara hidup tinggi dan tanggungjawab domestik yang berat, menyebabkan ibu tunggal kurang peluang untuk mengikuti bengkel kemahiran pemasaran. Dalam rumusan maklum balas agensi, tiada penyelesaian khusus

dicadangkan untuk meningkatkan pendedahan ini, meninggalkan wanita usahawan di kawasan luar bandar seperti Padang Terap tanpa kemahiran digital atau strategi pemasaran moden, yang boleh menghadkan pertumbuhan ekonomi mereka.

- **Kekangan Kemahiran Pemasaran dan Literasi Digital**

Kekurangan kemahiran terperinci dalam pemasaran digital menjadi penghalang utama kepada pertumbuhan perniagaan. Kebanyakan usahawan wanita dan ibu tunggal di kawasan ini mungkin hanya memiliki kemahiran asas menggunakan media sosial untuk memuat naik gambar produk, namun mereka tidak menguasai teknik pemasaran yang canggih dan kritikal untuk menembusi pasaran yang lebih luas. Akibatnya, produk mereka kekal dalam 'gelembung' pasaran tempatan dan gagal menarik perhatian pembeli dari bandar atau luar negeri yang membeli-belah secara dalam talian.

Akses terhad kepada program latihan pemasaran juga menjadi isu kerana golongan wanita di Parlimen Padang Terap dimaklumkan tidak mendapat maklumat mengenai bengkel kemahiran disediakan. Oleh itu, wanita di Parlimen Padang Terap masih bergantung kepada kaedah jualan tradisional dan ketidaksediaan untuk menerima transformasi digital secara menyeluruh menyebabkan potensi perniagaan mereka untuk diperluaskan kekal terhad.

- **Kurang peluang ekonomi bagi belia wanita**

Padang Terap, yang sebahagian besarnya merupakan kawasan luar bandar dan pertanian, menawarkan peluang pekerjaan yang terhad, terutamanya bagi belia wanita. Kebanyakan peluang yang ada berpusat di sekitar sektor pertanian, perkhidmatan sokongan am, dan perniagaan mikro kecil (PKS) yang bersifat tradisional dan berskala kecil. Ini bermakna belia wanita yang memiliki kelayakan akademik yang lebih tinggi selalunya tidak dapat mencari pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan atau aspirasi mereka di kawasan tempatan. Pilihan kerjaya sering terhad kepada pembantu kedai, pengendali produk PKS (makanan/kraf), atau pekerjaan di institusi awam terdekat, yang secara umumnya menawarkan gaji yang rendah dan prospek kemajuan yang minimum.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekangan kemahiran pemasaran dan literasi digital 2. Kurang peluang ekonomi bagi belia wanita
Cadangan Penyelesaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menganjurkan kursus dan latihan kemahiran untuk ibu tunggal menjana pendapatan sendiri. 2. Mengadakan bengkel / program kemahiran pemasaran digital
Kumpulan Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Wanita • Usahawanita • Ibu tunggal
Kawasan	Parlimen Padang Terap
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada kemiskinan	<p>Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tergar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p> <p>Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk kewangan mikro.</p> <p>Sasaran 1a: Memastikan penjanaan sumber penting daripada pelbagai sumber, termasuk melalui pengukuhan kerjasama pembangunan, bagi menyediakan kaedah yang mencukupi dan boleh diramal bagi negara membangun, khususnya bagi negara kurang membangun, untuk melaksanakan program dan dasar bagi menamatkan semua dimensi kemiskinan.</p>

SDG 5: Kesaksamaan jantina	Sasaran 5b: Meningkatkan penggunaan teknologi yang diperlukan, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi, untuk menggalakkan pemerkasaan wanita.
SDG 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Eco Pelancongan Tasik Pedu, Kedah	Projek Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan Wanita Padang Terap	Program Tuisyen Rakyat 2025: Membantu Pelajar SPM di Padang Terap
SDG Berkaitan	SDG 1, 15	SDG 1, 4, 5, 8	SDG 1, 4, 10
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan kapasiti komuniti dalam mengurus aktiviti eko-pelancongan, termasuk latihan kemahiran pemanduan pelancong, aktiviti lasak (explorasi alam, bot pelancong, memancing, kayak, perkhemahan), serta pemasaran dalam talian. Mewujudkan sumber pendapatan baharu berasaskan eko-pelancongan sambil memelihara alam sekitar. 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pendapatan golongan wanita B40 melalui pendedahan ilmu perniagaan, pengurusan, kewangan, perakaunan, pemasaran, dan cara memohon bantuan dana daripada agensi kerajaan. Memberi latihan praktikal untuk membina keyakinan dan kemahiran usahawan wanita seperti suri rumah, ibu tunggal, dan beliawanis. 	Memberi tuisyen percuma atau subsidi kepada pelajar SPM dari keluarga pendapatan rendah untuk meningkatkan prestasi akademik dan peluang masa depan, memfokuskan pendidikan sebagai alat mengurangkan kemiskinan.
Hasil Jangkaan	Melahirkan sekurang-kurangnya 20 usahawan kecil pelancongan komuniti, 4 pakej pelancongan komuniti berasaskan sumber Tasik	Peserta mendapat ilmu mengurus perniagaan secara sistematik; maklumat tentang bantuan modal; teknik pemasaran digital dan offline;	50 pelajar SPM mendapat akses tuisyen berkualiti, peningkatan prestasi peperiksaan, kemahiran belajar yang lebih baik, dan

	Pedu, dan 1 platform pemasaran dalam talian untuk jualan pakej serta produk komuniti.	peningkatan pendapatan isi rumah; menghasilkan profil syarikat, Business Model Canvas, dan kertas kerja permohonan geran/pinjaman.	pengurangan jurang pendidikan di kawasan luar bandar.
Organisasi	Pertubuhan Muda Sukarelawan Ashabul Alkahfi	Pertubuhan Saidatina Khadijah Padang Terap	SMITI Nurul Hidayah
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Latihan Pengenalan Eko-Pelancongan; • Lawatan Kajian Tempatan & Penyusunan Tapak; • Bengkel Pemandu Pelancong Komuniti; • Bengkel Produk & Kraf Tempatan; • Bengkel Penjagaan Alam Sekitar dan Etika Pelancongan Bertanggungjawab; • Latihan Asas Pemanduan Bot Pelancong, Memancing, dan Kayak; • Pembangunan Tapak Kem Rekreasi & • Penandaan Zon Aktiviti; • Pembentukan Jawatankuasa Pelaksana Projek; 	Program Personaliti Diri Kenali Perniagaan & Bengkel Minda Usahawan; Bengkel Profil Syarikat & Bengkel Bersama SSM; Bengkel Business Model Canvas & Pitching BMC; Bengkel Perakaunan Perniagaan; Bengkel Pemasaran Teori & Digital; Bengkel Shopee, Facebook, Business Whatsapp & Website; Bengkel Sistem Perniagaan, Filing, Dokumentasi, HRM, KWSP & PERKESO; Bengkel Leadership Keusahawan, Kewangan, Modal Perniagaan & Bengkel Bersama Agrobank dan MARA; Bengkel Bersama RISDA, KEDA, Pertubuhan Peladang & Bengkel Sambungan Kertas Kerja; Bengkel Bersama Kolej Komuniti dan EmpowerEncer Padang Terap & Bengkel Foto, Media, Canva;	Kelas tuisyen berkumpulan untuk subjek utama SPM (seperti Matematik, Sains, Bahasa), sesi motivasi, bengkel kemahiran belajar, dan pemantauan kemajuan pelajar (berdasarkan struktur program tuisyen standard dalam dokumen sejenis).

	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Pengurusan Risiko & Keselamatan Aktiviti Outdoor; Pendedahan Pemasaran Digital dan Penyediaan Platform Online; • Penghasilan 4 Pakej Eko-Pelancongan Komuniti; • Kolaborasi Promosi bersama Tourism Kedah & Tahun Melawat Kedah; • Program Soft Launch & Simulasi Aktiviti; • Pelaporan & Penilaian Pelaksanaan Projek. 	Bengkel Peruntukan Keusahawanan daripada JKM, Zakat, LHDN & Bengkel Sambungan Kertas Kerja; Program Bersama CEO/Pemilik Perniagaan Berjaya, Pameran Produk, Penilaian Kertas Kerja & Penutupan Fasa Satu dengan Penyerahan Sijil.	
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Tasik Pedu, Daerah Padang Terap, Kedah	Seluruh Daerah Padang Terap, Kedah (termasuk Kuala Nerang, Naka)	Daerah Padang Terap
Tempoh	Ogos 2025 - Oktober 2025	3 bulan (Mei 2025 - Ogos 2025)	Mei 2025 - September 2025

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Kawasanku Dashboard, Parlimen P.007 Padang Terap*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020. <https://open.dosm.gov.my>.

"Popularkan Kembali Tasik Pedu Sebagai Destinasi Pelancongan." *Sinar Harian*, November 28, 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/636792/edisi/utara/popularkan-kembali-tasik-pedu-sebagai-destinasi-pelancongan>.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. *Keputusan Pilihan Raya Parlimen Padang Terap*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2023. <https://spr.gov.my>.

"Tasik Pedu." *mStar*, February 4, 2020. <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2020/02/04/tasik-pedu>.

Portal Rasmi Parlimen Malaysia. *Profil Ahli Dewan Rakyat: YB Tuan Nurul Amin bin Hamid*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia, 2025. <https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4046>.



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMAPAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>